# KEJAYAAN TOKOH NASIONAL MALAYSIA:

# KAJIAN KES MENGGUNAKAN TEORI PEMBELAJARAN SOSIAL

PROF MADYA HJ. AZMI SHAARI

PROF DR YAHAYA MAHAMOOD

PROF MADYA DR NOOR AZNIZA ISHAK

DATO’ ABU SEMAN AWANG

PROF MADYA HAMZAH SAMAT

AZEMI SHAARI

ZAINUDIN OMAR

**PUSAT PENGAJIAN PEMBANGUNAN SOSIAL**

**COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**2014**

# PENGHARGAAN

Mewakili pasukan penyelidikan, saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak ternilai kepada Universiti Utara Malaysia yang telah membiayai penyelidikan ini di bawah geran LEADs. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada kesemua responden kami yang telah bekerjasama dengan baik sekali. Kami terhutang budi dan mendapat banyak pengajaran berguna dari usaha ini.

Akhirnya tidak lupa kepada pembantu penyelidik, Puan Faezah yang melakukan kerja-kerja transkripsi dengan sabar. Kepada sesiapa juga yang terlibat dalam penyelidikan ini hingga selesai, sama ada secara langsung atau tidak langsung, ribuan terima kasih diucapkan. Semoga kajian ini memberikan manfaat yang berpanjangan kepada semua.

Prof Madya Azmi Shaari

Prof Dr Yahya Mahmood

Prof Madya Dr. Noor Azniza Ishak

Dato' Abu Seman Awang

Prof Madya Hamzah Samat

Azemi Shaari

Zainudin Omar

## Abstrak

Kajian berkenaan tokoh-tokoh tempatan bagi tujuan dokumentasi tidak banyak dilakukan kerana budaya dan kesedaran tentang kepentingan dokumentasi masih belum meluas dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dengan itu kajian ini dibuat dengan melibatkan tokoh-tokoh yang berautoriti dalam bidang masing-masing. Mereka dipilih berdasarkan empat kriteria seperti mempunyai kekayaan, kuasa atau politik, personaliti dan berkemahiran sangat tinggi sehingga dapat membina kejayaan, autoriti dan pengaruh tersendiri dalam bidang masing-masing. Kajian disandarkan kepada Teori Pembelajaran Sosial yang diasaskan oleh Krumboltz (1996) menggunakan kaedah kualitatif sebagai metodologi kajian. Kutipan data dilakukan secara temubual semi struktur di bawah kaedah pensejarahan lisan (oral history). Kajian melibatkan seramai tujuh orang tokoh yang telah diperakui kebolehannya, terkenal dan amat berjaya dalam bidang masing-masing berasaskan kriteria yang telah ditetapkan oleh panel pengkaji. Manakala kaedah pensejarahan lisan atau *oral history* yang melibatkan temubual berstruktur dipilih sebagai kaedah untuk mendapatkan maklumat kerana kesesuaiannya dengan objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya corak kesamaan dalam faktor-faktor yang menjadi domain kajian iaitu kesamaan dari segi kesedaran terhadap latar belakang, bakat, keupayaan diri (mental dan fizikal), manipulasi persekitaran dan faktor nasib. Namun faktor kesedaran terhadap keupayaan memanipulasi persekitaran merupakan factor utama meliputi sebanyak 55.03 peratus manakala faktor nasib dianggap faktor paling kurang menyumbang kepada kejayaan, iaitu sebanyak 1.54 peratus. Faktor-faktor lain iaitu bakat dan keupayaan diri adalah sebanyak 37.63 peratus, diikuti kesedaran terhadap latar belakang sebanyak 2.54 peratus. Manakala faktor konflik diri menjadi suatu penemuan baru yang belum dikemukakan dalam teosi asal dengan peratusan yang agak signifikan sebanyak 3.26 peratus. Dengan itu boleh dirumuskan kesemua tujuh responden bersetuju keempat-empat faktor iaitu baka/keturunan, persekitaran, pendidikan dan kemahiran sebagai faktor yang mendasari kejayaan mereka. Kajian ini telah memenuhi objektif kajian bahawa responden berkongsi tema yang sama dalam analisis data yang dilakukan. Namun demikian, disebabkan skop kajian yang besar, kajian ini memerlukan tambahan kos dan tempoh masa bagi memperincikan lagi tema-tema yang lebih mendalam untuk menjadikannya dokumentasi yang lebih lengkap.



**Kata Kunci:** Kajian tokoh tempatan, pensejarahan lisan, kualitatif, faktor bakat dan pewarisan, faktor persekitaran

**_Abstract_**

*Documenting the lives of public figures is not commonly practiced in Malaysia simply because it is culturally deemed improper to intrude into people's lives. Unlike in the West, readers are invited into the lives of public figures every now and then as countless auto biographies, memoirs or even chronicles are published all year round. Therefore, realizing the need for documenting success stories closer to home, this study hopes to offer readers the insights to the lives of reputable and successful figure who are successful in their own rights in Malaysia. These public figures were selected based on four criteria namely wealth, power or political power, personality and their expertise which have helped them gain success, authority and respect in their respective fields. Based on Krumboltz's Social Learning Theory (1996), this study used both qualitative and quantitative analysis of research data method. In order to obtain data, researchers relied on oral history method whereby respondents were subjected to semi-structured interview sessions. The study focused on seven public figures who are acknowledged for their abilities and successes in their respective fields determined by the researchers. Meanwhile, oral history involving the use of structured interview questions to obtain information was utilized. Results showed that there are several significant similarities in the research domains such as their background, talent and aptitude and ability (mental and physical), ability to seize the right opportunity and luck. The study also revealed that at 55.03 percent, the ability to seize the right opportunities, is the highest contributing factor to the success of these subjects. Meanwhile, the luck factor contributes only 1.54 percent. Other factors namely talent and self ability contribute 37.63 percent and respectively, followed by their family background at 2.54 percent. While self-conflict factor, a newly discovered factor in the study contributes rather significantly at 3.26 percent. All of the respondents agree that factors namely their descent, environment, education and skills have helped them to achieve their successes. On the other hand, the element of luck is somewhat difficult to be considered as the key to their successes. The study managed to fulfil the objectives of the research as all of the respondents share similar attributes as shown in the data analysis. However, due to the enormity of the scope, this research needs to be conducted more extensively in order to produce a more detailed documentation of additional attributes.*

**_Keywords_**: *Research on local public figures, oral history, qualitative, genetic factor, environment factor*

# ISI KANDUNGAN

HALAMAN


| | |
|---|---|
| Penghargaan | ii |
| Abstrak | iii |
| *Abstract* | iv |
| Isi Kandungan | v |
| Senarai Jadual | vii |
| Senarai Rajah | viii |
| Latar Belakang Kajian | 1 |
| Metodologi Kajian | 5 |
| Dapatan Kajian | 9 |
| Perbincangan | 16 |
| Objektif Kajian : Membuktikan Faktor Pewarisan Baka dan Kebolehan Istimewa | 17 |
| Objektif Kajian : Keadaan Persekitaran dan Peristiwa Penting Yang Berlaku | 18 |
| Objektif Kajian : Pengalaman Pembelajaran dan Pemangkin Kerjaya | 19 |
| Objektif Kajian: Kemahiran dan Pendekatan dalam Bekerja | 20 |
| Rumusan dan Cadangan | 20 |
| Cadangan Kepada Penyelidikan Masa Hadapan | 21 |
| Rujukan | 22 |
| Lampiran-lampiran | |

## SENARAI RAJAH

HALAMAN


| | | |
|---|---|---|
| Rajah 1 | Kerangka Teori Pembelajaran Sosial | 3 |
| Rajah 2 | Faktor Kejayaan Tokoh Berasaskan Analisis Kata | 15 |

## SENARAI JADUAL

HALAMAN

| | | |
|---|---|---|
| Jadual 1 | Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi tokoh | 10 |
| Jadual 2 | Kekerapan faktor-faktor kejayaan tokoh dan peratusannya | 16 |

## Latar Belakang Kajian

Malaysia mempunyai ramai tokoh yang berjaya dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, ekonomi dan keusahawanan, sukan, hiburan dan seni, politik dan bidang-bidang seperti perubatan, kejuruteraan dan keilmuan. Kemunculan individu-individu ini dari pelbagai latar belakang kaum dan status kehidupan menarik untuk dijadikan kajian yang boleh memberi manfaat yang tidak ternilai kepada generasi masa hadapan (Lairissa, 1994). Kajian seumpama ini memperlihatkan bahawa proses mencipta kejayaan seperti ini boleh menjadi teladan kepada orang lain untuk mengikut jejak mereka. Memandangkan usaha mendokumentasikan tokoh-tokoh ini tidak banyak dijalankan, maka kajian seumpama ini perlu dilakukan kerana akses terhadap mereka masih boleh dilakukan.

Kajian ini mengumpul data berkenaan dengan individu-individu yang berjaya di negara ini. Justeru, bahan-bahan dan data yang diperolehi daripada responden tidak akan hilang bersama-sama dengan kematian mereka (Lairissa, 1994). Sehubungan itu, kajian ini mempunyai objektif seperti berikut;

a. Untuk mendokumentasi dan menerbitkan kisah-kisah di sebalik kejayaan individu- individu yang dipilih
b. Untuk melihat dan membanding faktor-faktor yang mencetus kejayaan mereka
c. Menjadikan pengalaman tokoh-tokoh tersebut sebagai satu bahan ilmiah dan dianalisis di dalam satu kerangka saintifik

Kajian ini bertujuan mengumpul data berkaitan individu cemerlang Malaysia untuk direkodkan kisah kejayaan mereka. Pengalaman mereka dalam menempuh kejayaan dalam bidang masing-masing dikaji dan dianalisis berasaskan metod dan kerangka kajian yang telah dipilih (Kamarul Afizi Kosman, Abdul Halim Ismail & Azimin Samsul Mohd Tazilan, 2008 ). Dari segi skop kajian pula, kajian ini mengkaji individu cemerlang dalam empat kategori iaitu; individu berkuasa, individu terkaya, individu ternama serta individu paling berkelayakan dengan autoriti dalam bidang atau lapangan kerja masing-masing. Sumber utama bagi kajian ini merupakan apa-apa yang diceritakan individu-individu terbabit kepada pasukan penyelidik. Terma-terma rujukan kajian juga telah ditetapkan melalui siri-siri mesyuarat yang dijalankan dengan melibatkan kesemua panel penyelidik. Pada peringkat ini seramai tujuh orang tokoh yang mewakili bidang masing-masing telah berjaya ditemuramah iaitu;

a. Datuk A. Kadir Jasin (KJ) mewakili tokoh di bidang kewartawanan
b. Datuk Prof Shamsul Amri Baharuddin (SAB) mewakili tokoh di bidang ilmuan
c. Datuk Prof Sham Sani (SS) mewakili tokoh dalam pentadbiran universiti
d. Datuk Dr Fadzillah Kamsah (FK) mewakili bidang motivasi
e. Datuk Seri Harussani Zakaria (HZ) mewakili tokoh bidang agama
f. Tan Sri Anwar Mohd Nor (AMN) mewakili tokoh bidang ketenteraan
g. Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid (ASAH) mewakili bidang pentadbiran awam

Bagi memperkukuh sandaran kepada kajian ini, teori Krumboltz (Krumboltz 1996, Mitchell & Krumboltz, 1996) telah dipilih sebagai teori rujukan (Feller, Honaker & Zagzebski, 2001). Walaupun demikian, terdapat teori-teori lain yang juga sesuai dirujuk

seperti teori Holland (Crites, 1981). Teori dipilih kerana kekuatannya dari segi penghuraian faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan seseorang individu (Feller, Honaker & Zagzebski, 2001). Mereka telah menyenaraikan empat faktor utama dalam dorongan kejayaan kerjaya seseorang sepertimana dalam Rajah 1 di bawah;




*Rajah 1: Kerangka Teori Pembelajaran Sosial Krumboltz & Mitchell. Disesuaikan dari Mitchell & Krumbolt (1996)*

Sekalipun demikian, Krumboltz & Levin (2010) tidak mengenepikan faktor nasib dan persekitaran seseorang individu sebagai faktor kejayaan seseorang tokoh. Pengkaji juga menganalisis kajian lain yang menggunakan teori tersebut untuk membandingkan binaan teori yang dijadikan sandaran dalam kajian ini. Antaranya kajian Moore (2006) yang mencadangkan pemerhatian diberikan secara khusus kepada aspek pemantauan oleh mentor dalam membimbing kerjaya seseorang. Manakala Fuqua dan Newman (1994) melihat dari segi keterkaitan antara kepercayaan dan nilai dengan pilihan kerjaya seseorang berasaskan teori berkenaan.

Mengikut Krumboltz (1996), fungsi-fungsi pembelajaran tidak sahaja menyediakan kemahiran asas kepada pelajar sepanjang perkembangannya tetapi juga menanamkan nilai-nilai, kepercayaan dan minat kepada para pelajar. Perkembangan kejayaan seseorang juga boleh dilihat mengikut kecenderungan tertentu (Lau, 1989) serta dokongan dari bakat sedia ada (Krumboltz & Worthington 1999; Krumboltz, 1994). Walau bagaimana pun, seseorang yang dikurniakan bakat tidak semestinya akan berjaya di dalam bidang tertentu yang berkaitan dengan bakatnya (Calvin, 2009).

Dengan sebab demikian, ramai yang mengganggap faktor-faktor kejayaan adalah suatu perkara yang misteri kerana penjelasan saintifik sekalipun gagal menerangkan dengan jelas faktor tersebut (Calvin, 2009). Justeru, faktor-faktor dalam kawalan seseorang seperti latar belakang, kepercayaan terhadap dirinya dan pendidikan (Krumboltz, 1994)

serta faktor luar kawalan seperti nasib baik atau tuah, persekitaran politik atau ekonomi (Krumboltz, 1979) sesuai untuk dipadankan dengan objektif kajian ini.

## Metodologi Kajian

Kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah temubual dipilih sebagai teknik utama kajian. Penyelidikan kualitatif dipilih berasaskan kekuatannya dalam menilai dan membandingkan faktor-faktor berbeza yang menyumbang kepada kejayaan dalam karier seseorang tokoh. Kaedah kajian ini juga mengiktiraf cara individu memandang kehidupan mereka (Merriam, 2009). Manakala Patton (2002) menyatakan kaedah temubual sesuai digunakan dalam menyelidiki pandangan dan pengalaman seseorang. Sebelum temubual dilakukan, pengkaji mengenalpasti tokoh-tokoh berdasarkan sumbangan masing-masing dalam bidang kepakaran mereka melalui siri-siri perbincangan yang dilakukan. Perbincangan tersebut memfokuskan kepada beberapa kriteria dalam menilai seseorang tokoh yang boleh dicalonkan sebagai responden seperti populariti, pengaruh dan sumbangan mereka dalam bidang masing-masing. Temubual ini dilakukan secara separa berstruktur dengan set soalan yang disediakan bertujuan untuk memastikan setiap penemubual tidak terkeluar daripada topik yang diberi tumpuan (Merriam, 2009). Dengan kata lain set soalan tersebut bertindak sebagai garis panduan temubual.

Kaedah ini dinamakan pendokumentasian berasaskan sejarah lisan atau *oral history* dengan mendokumentasikan kisah seseorang individu yang bermula sebagai kaedah

temubual melalui siaran radio (Thomson, 2007). Justeru, kaedah sejarah lisan ini boleh didefinisikan sebagai kaedah inkuiri untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut kepada sejarah bertulisan atau berdokumen. Keterangan ini didapati melalui wawancara sama ada dengan pelakunya, saksi mata, seorang pemegang tradisi atau seorang yang mengetahui tentang sesuatu peristiwa berkenaan secara langsung (Thomson, 2000).

Pendekatan pensejarahan melalui penceritaan secara lisan memfokus kepada penceritaan yang dilakukan oleh tokoh dalam *setting* yang bersahaja, santai dan spontan (Harell & Bradley, 2009). Sejarah lisan bermaksud suatu proses yang dilakukan dalam menghasilkan sumber–sumber pengetahuan melalui teknik temubual dengan menggunakan pita rakaman serta proses transkripsi (Hunt, 2003). Menurut Hunt (2003) lagi, proses pengumpulan, perekodan, penyalinan semula, penyusunan, penerbitan, penyimpanan rakaman keterangan-keterangan yang dibuat oleh individu yang mempunyai kaitan dengan sesuatu peristiwa yang menarik perhatian penyelidik, dilakukan berpandukan sistem tertentu adalah sebahagian daripada sejarah lisan. Ianya juga bertujuan memelihara maklumat sejarah yang amat berharga dan bernilai bagi sesebuah komuniti atau negara.

Peristiwa-peristiwa penting yang pernah berlaku pada masa lampau perlu direkodkan agar dapat dijadikan sebahagian daripada bahan rujukan bagi penyelidik, pelajar serta untuk kegunaan generasi akan datang. Melalui temubual sejarah lisan pengkaji dapat merekodkan kembali peristiwa yang telah berlaku serta dapat memberikan gambaran

yang lebih jelas mengenai keadaan sebenar pengalaman seseorang. Melalui cara ini seseorang penyelidik dapat melihat faktor-faktor yang mendorong individu ke arah kejayaan tokoh tersebut. Penggunaan kaedah ini dalam menulis kembali historiografi sesebuah komuniti akan memberikan satu nilai dan pandangan yang baru (Hunt, 2003). Penulisan sejarah terutamanya berkaitan peristiwa penting dalam perkembangan negara perlu didokumenkan atas dasar wujudnya perbezaan pandangan berdasarkan kepada perbezaan sumber yang diperoleh (Kamarul Afizi Kosman et.al, 2008). Sekalipun ada kemungkinan terdapat beberapa masalah, misalnya dari segi ketepatan fakta antara penceritaan tokoh dengan sejarah sebenar, namun ianya tidak menjejaskan kepentingan kajian menggunakan kaedah tersebut (Thomson, 2007).

Sejarah lisan sebagai satu kaedah penyelidikan dapat membantu penyelidik memahami peristiwa bersejarah secara lebih baik. Bagi masyarakat yang mengamalkan tradisi sejarah lisan sebagai satu kaedah untuk menceritakan sejarah bangsanya, kaedah sejarah lisan adalah sangat penting (Perks & Thompson, 1998). Contohnya, masyarakat di Afrika masih kekal dengan kaedah ini. Malah terdapat individu yang bertanggungjawab menyimpan khazanah bangsanya melalui penceritaan (Okihiro, 1981). Kaedah sejarah lisan boleh diterima sebagai usaha mengkaji serta memahami sejarah serta masyarakat (Okihiro, 1981). Bagi masyarakat yang memiliki sistem tulisan menjadikan sumber bertulis sebagai kaedah penyimpan rekod dan maklumat.

Namun ianya tidak bermakna bahawa kaedah sejarah lisan tidak dapat diaplikasikan (Perks & Thompson, 1998). Kepelbagaian sumber yang dilakukan bersama sumber

bertulis dan sumber lisan akan mampu mengukuhkan penemuan sesuatu fakta (Okihiro, 1981). Keseragaman fakta yang dikemukakan dalam sumber bertulis boleh dipastikan dengan sumber lisan yang akan menjadikan sesebuah penyelidikan dan penemuan sejarah itu lebih menampakkan kredibiliti dan keabsahannya (Thomson, 2000). Pengetahuan yang diperoleh melalui sejarah lisan boleh mengelakkan seseorang berpandukan kepada semata-mata satu pihak sahaja.

Pengetahuan sejarah yang turut diperoleh daripada saksi sama ada saksi proto yang terlibat dan berada sewaktu kejadian, mahupun saksi mata dan telinga akan menyeimbangkan kajian dan tidak berat sebelah (Thomson, 2000). Sejarah lisan memiliki kekuatannya dalam sesebuah penyelidikan sejarah. Kaedah ini boleh memberikan satu penilaian dan penafsiran baru kerana ianya merakamkan keterangan yang memasukkan emosi dan perasaan dalam setiap penceritaan.

Dari segi tatacara kajian, pengkaji telah mengadakan perbincangan khusus bersama-sama ahli pasukan bagi menetapkan terma-terma kajian supaya setiap penemuduga tidak terpesong daripada tema utama kajian. Satu senarai soalan dikeluarkan dengan tema-tema dan subtema yang perlu ditanyakan kepada responden. Senarai ini bertindak sebagai garis panduan bagi setiap penyelidik mengikutinya sewaktu bertemubual dengan responden. Soalan-soalan dalam senarai ini adalah sebagaimana dinyatakan dalam **lampiran 1**. Temubual tersebut dirakamkan dan ditranskripsi.

Analisis kandungan telah dibuat berdasarkan transkripksi tersebut yang mengelompokkan kenyatan-kenyataan tokoh kepada kelompok faktor-faktor tertentu sebagaimana dalam **lampiran 2**. Pada peringkat akhir, data dianalisis dengan melihat dan membanding faktor-faktor yang terlibat. Hal ini dilakukan sebagaimana cadangan Hunt (2003) bagi menghasilkan satu temu bual yang boleh menjadi bahan ilmiah.

## Dapatan Kajian

Hasil transkripsi yang dianalisis menunjukkan pola-pola jawapan berkaitan dengan tema-tema yang disusun lebih awal berdasarkan teori pembelajaran sosial dalam membuat keputusan kerjaya oleh Krumboltz dan Mitchell (1999). Dari pola –pola ini dibina rajah pokok yang menunjukkan serakan tema-tema ranting yang seterusnya membentuk tema utama sebagaimana dalam Rajah 3 (lihat lampiran 3). Manakala pembentukan tema berasaskan empat faktor berdasarkan Krumboltz & Mitchell (1999) boleh diringkaskan ke dalam jadual sebagaimana Jadual 1. Pemerhatian terhadap dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa hampir kesemua faktor yang dicadangkan oleh Krumboltz dan Mitchell (1999) terdapat dalam pengalaman yang dilalui mereka. Dapatan kajian menunjukkan pemberatan terhadap faktor-faktor tersebut berbeza-beza, namun ia masih lagi dalam lingkungan faktor-faktor berkenaan. Kesemua responden meletakkan penghargaan yang tinggi kepada faktor baka dan pewarisan. Hal ini boleh dilihat kepada rupa bentuk fizikal yang memberikan identiti khusus kepada seseorang individu. Faktor ini dianggap sebagai satu kebanggaan kepada individu tersebut sebagaimana kenyataan Datuk A. Kadir Jasin telah memberikan penyataan-penyataan berikut;

*‘Ayah saya berpendidikan darjah 4 sekolah Melayu dan sekolah pondok tapi sangat reformis dalam pandangan beliau. Beliau banyak membaca , beliau giat dalam kegiatan masyarakat dan seterusnya dalam politik.*

| **Tokoh** | **Faktor 1** **Baka/ Pewarisan** | **Faktor 2** **Persekitaran** | **Faktor 3** **Pembelajaran** |
|---|---|---|---|
| **Datuk A. Kadir Jasin** | / | / | / |
| Datuk Prof Shamsul Amri Baharuddin | / | / | / |
| **Datuk Prof Sham Sani** | / | / | / |
| Datuk Dr Fadzillah Kamsah | / | / | / |
| **Datuk Seri Harussani Zakaria** | / | / | |
| Tan Seri Anwar Mohd Nor | / | / | / |
| **Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid** | / | / | / |

**Jadual 1: Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi tokoh hasil transkripsi temubual**

Tokoh yang sama menjelaskan;

*'Saya dididik untuk berfikir di luar daripada environment…persekitaran saya…sikap reformis ayah saya itu memberikan saya satu motivasi tambahan iaitu bukan sekadar untuk memperbaiki hidup tetapi untuk melakukan sesuatu yang boleh member faedah yang lebih luas.'*

Kenyataan itu pula dikuatkan melalui kata-kata berikut:

*'Ayah saya adalah seorang pembaca yang kalau boleh saya guna istilah bahasa Inggeris dia "grosiciuos". Dia kuat membaca.Sibuk macam mana pun bersawah, sibuk macam mana pun berniaga dia wajib membaca satu atau dua akhbar setiap hari…Jadi itu menjadikan memberikan saya motivasi.'*

Begitu juga jika kita mengambil contoh responden lain berkenaan faktor baka dan pewarisan. Tun Ahmad Sarji menyatakan;

*'Jadi walaupun saya tidak mendapat pendidikan formal dalam agama, ibu saya memainkan peranan penting terutama sekali menanamkan semangat jangan tinggal sembahyang…jangan tinggal puasa..ini yang dua yang penting ... ini telah tertanam semenjak saya kecil lagi, ini mak saya punya peranan, agak berkesan.'*

Manakala berkenaan bapanya, Tun Ahmad Sarji menyebut;

*'Ayah saya seorang pegawai kerajaan..kerja dengan office, dia berkhidmat di bawah D.O orang putih.. Dia selalu menanamkan kepada saya cita-cita untuk menjadi D.O.'*

Seorang lagi tokoh, iaitu Tan Sri Anuar Md Nor menyatakan pengaruh disiplin yang kuat dalam keluarganya memberikan pengaruh tertentu dalam perkembangan kerjaya beliau;

'Kalau *background* itu, adalah daripada budaya *family structure*, budaya *parents, grandparents…I means is to respect elders...that the most I found in my family, my father is very particular.*'

Bagi faktor persekitaran pula, responden bersetuju bahawa pengaruh persekitaran dan peristiwa yang berlaku amat mempengaruhi kejayaan mereka mencapai puncak kerjaya. Memperakui mereka melalui peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam hidup mereka, responden menyatakan kejadian yang dialami mereka memberi pengaruh yang besar dalam kejayaan mereka pada hari ini. Kejayaan yang dikecapi dinyatakan bertitik tolak daripada pengajaran yang mereka dapat sewaktu peristiwa berkenaan terjadi. Peristiwa tersebut menjadi pencetus semangat mereka untuk terus berjaya dan mengenal potensi diri mereka sendiri. Dalam perkaitan dengan faktor yang sama, responden berpendapat peristiwa berkaitan politik turut memberikan pengaruh tertentu kepada kejayaan mereka.

Walaubagaimana pun, mereka mengakui bahawa politik bukan semata-mata medium yang mereka gunakan dalam mencapai kejayaan, sebaliknya kejayaan yang diterima adalah hasil usaha dan kerja keras mereka. Sebagai contoh, Tun Ahmad Sarji menjelaskan bahawa beliau berada di tempat dan masa yang betul dalam kaitan dengan peranan Dr Mahathir yang menjadi Perdana Menteri sewaktu beliau dalam kapasiti sebagai eksekutif dalam pentadbiran kerajaan. Katanya;

*‘Era Dr. Mahathir, pembangunan dan saya bernasib baik (menjadi) KSU perdagangan, bawa pelabur masuk dan juga trade kita pun meningkat…investment meningkat... dan saya juga incharge fees polisi Dr. Mahathir, polisi orang Malaysia Incorporator... jadi semuanya itu berlaku di dalam era saya menjadi pegawai kerajaan.’*

Datuk Kadir juga mempercayai kesan faktor persekitaran atas kejayaan dirinya. Katanya;

*'Kalau saya tulis tentang pertanian, saya begitu* passionate *sebab saya lihat bagaimana nenek saya sendiri. Beliau menghasilkan benih padi sendiri dan hari ini telah dilakukan oleh ahli-ahli sains MARDI… dia selalu kata "hang jangan duk tengok, hang jangan duk tengok, hang peghati (perhati).'*

Bagi faktor ketiga, pengalaman pembelajaran dan pemangkin kerjaya pula, responden mengakui banyak sumber yang membolehkan mereka mempelajari sesuatu yang baru dalam meningkatkan lagi potensi diri mereka. Responden mengakui mendapat pengajaran dan hasil pembelajaran daripada situasi yang pernah mereka alami dahulu yang memberi dorongan dan rasa keinsafan dalam diri mereka untuk terus mengecapi kejayaan. Pada masa yang sama penganugerahan dan pengiktirafan yang diterima menjadi sebagai salah satu pemangkin kerjaya mereka untuk terus maju ke hadapan.

Datuk Kadir menjelaskan;

*'Bernama baru mengasaskan aa..unit ekonomi…saya diarahkan untuk berpindah ke unit itu, dan aa..itu memaksa saya memasuki satu bidang yang* alien*, yang luar, yang bukan, yang serasi dengan orang Melayu lah.'*

Sehubungan itu, beliau memberikan kenyataan berikut;

*'Saya sedar waktu itulah saya naik pangkat, naik...naik pangkat, salah satu sebabnya tanpa (saya) sedari ialah kerana saya Bumiputera dan bidang yang tak biasa dalam sebuah akhbar yang majoriti kakitangannya bukan Bumiputera. Saya rasa itu permulaannya.'*

Manakala Tan Sri Anwar Md Nor menyatakan faktor pengalaman pembelajaran sebagaimana berikut;

'*I think, one of the thing that I think that really re-enforce my attribute is.. I think when I married my present wife…she said, I think one very fantastic saying… I hold with a philosophy... very philosophical*, iaitu ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya...*o, as I grew up in the leadership position, she always remind me...* ular menyusur akar, *you can go down be with the boy... you still a leader, you* takkan hilang.. *that keep reminding me... o that's why I* berjaya... *quote on that*'.

Bagi lain-lain faktor, seperti faktor kemahiran dan pendekatan dalam bekerja, responden mengakui kemahiran dan pendekatan bersesuaian yang diterapkan dalam kerjaya mereka. Kemahiran dan pendekatan yang digunakan oleh mereka bertitik tolak daripada setiap pengalaman, pandangan dan situasi semasa yang dihadapi mereka. Dengan kemahiran dan pendekatan yang ada, menjadi sumber untuk mereka melakukan pembaharuan dalam kerjaya mereka dan meningkatkan potensi diri untuk lebih dikenali.

Sebagai contoh, Tun Ahmad Sarji menyatakan;

*'Ada dua prinsip yang saya amalkan, satu ialah participation observation..jadi bila kita tengok orang buat kerja tu kita participate dan cuba pelajari.. keduanya, existential learning...ilmu memberikan kita power of analyze, you can analyze, insya allah kita boleh membuat keputusan yang berhemah.'*

Manakala Profesor Shamsul Amri menyebut sebagaimana berikut;

*'Penulisan, penyelidikan…so from research.. reporter like journalist to a more intent... then I think why I became very comfortable with academic world.'*

Profesor Datuk Sham Sani pula amat mementingkan aspek *knowlegebility,* sebagaimana boleh dilihat daripada kenyataan berikut;

*'I always believe that it doesn't matter what profession you are, what professional courses that you doing… you must have a component which call general component, maknanya kita pelajar dari universiti kan, they expected you to know a few things…to know how to read, how to write properly, how to speak properly, maknanya knowledgeable kan...dihormati kerana berilmu dan luas.'*

Berdasarkan analisis terhadap kata-kata tokoh, dapatan daripada transkripsi tujuh tokoh tersebut boleh dirumuskan ke dalam Rajah 2.

**Rajah 2: Faktor-faktor Kejayaan Tokoh Berasaskan Analisis Kata**




...ala dari segi ke... n pula, Jadual 2 menunjukkan faktor-fakto... berasaskan kekerapan kata dan peratusannya.

Jadual 2: Kekerapan faktor-faktor kejayaan tokoh dan peratusannya

| Faktor-faktor Kejayaan Tokoh | | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|---|
| Kesedaran terhadap manipulasi persekitaran | | 607 | 55.03 |
| Pengaruh famili | (218) | | |
| Pengaruh guru | (180) | | |
| Pengaruh anutan | (85) | | |
| Pengaruh pemimpin | (75) | | |
| Pengaruh rakan | (35) | | |
| Pengaruh kepentingan umum | (14) | | |
| Kesedaran terhadap bakat dan keupayaan diri | | 415 | 37.63 |
| Kemampuan | (124) | | |
| Pelajaran | (115) | | |
| Pengembangan | (99) | | |
| Daya maju | (77) | | |
| Kesedaran terhadap latar belakang | | 28 | 2.54 |
| Faktor nasib | | 17 | 1.54 |
| Konflik diri* | | 36 | 3.26 |
| **Jumlah** | | **1103** | **100.00** |

Petunjuk:
* Penemuan faktor baru yang tiada dalam teori asal Krumboltz & Mitchell (1996)

## PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya kajian ini boleh dirumuskan sebagai satu kajian yang berjaya mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pencapaian dan kejayaan tokoh-tokoh yang dipilih sebagai responden. Kajian ini menjelaskan secara agak terperinci berkenaan sumbangan setiap faktor berdasarkan tema-tema yang disenaraikan. Ianya dilakukan berdasarkan penceritaan tokoh-tokoh yang terlibat. Perbincangan hasil kajian secara keseluruhan boleh diringkaskan sebagaimana berikut.

**Objektif Kajian : Membuktikan Faktor Pewarisan Baka dan Kebolehan Istimewa**

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa responden mengakui sumbangan pewarisan, baka daripada susur galur keluarga menjadi tunjang kepada kejayaan dan pencetus motivasi untuk terus memperoleh kejayaan demi kejayaan. Perkaitan ini selari dengan Rosumah (1985) yang menyatakan bahawa setiap orang mewarisi sifat-sifat tertentu secara pewarisan gen atau baka daripada kedua ibu bapanya. Rosumah (1985) mendefinisikan baka sebagai segala ciri-ciri biologi yang ditentukan oleh gen yang dipusakai daripada ibubapa mereka.

Umumnya ciri-ciri biologikal tidak dapat diubah oleh persekitaran. Sifat-sifat yang diwarisi itu menentukan ciri psikomotor atau kognitif. Baka itu semacam penetap had-had perkembangan biologikal dan mungkin juga psikologi yang akan berlaku (Rosumah, 1985). Contohnya ciri seperti ketinggian fizikal, bentuk tubuh badan atau kepintaran seseorang itu berdasarkan warisan bakanya (Davidoff, 1976). Baka sangat penting dalam menentukan had-had penyuburan seseorang manusia, di mana ahli psikologi turut menyokong bahawa baka berperanan dalam menentukan sifat-sifat seseorang individu (Davidoff, 1976). Justeru, baka boleh dianggap sebagai faktor yang membezakan seseorang individu daripada yang lain. Kajian ini menunjukkan bahawa pewarisan baka yang dipusakai oleh setiap tokoh-tokoh ini telah menjadi pencetus kepada potensi kejayaan yang mereka kecapi.

Manakala, dari segi kebolehan istimewa pula, kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai kebolehan istimewa yang secara tidak langsung menjadi nilai tambah ke

atas kepakaran yang mereka miliki. Selain itu, ilmu dan kepakaran yang bersumber dari faktor luar seperti pembelajaran dapat dipindah dan dipraktikkan demi meningkatkan potensi diri (Krumboltz, 1996). Dalam masa yang sama, pelbagai kebolehan yang mereka miliki telah menjadikan mereka berada dalam kalangan kelompok *'versatile'* bagi menghadapi cabaran dan persaingan (Krumboltz & Levin, 2004).

**Objektif Kajian : Keadaan Persekitaran dan Peristiwa Penting Yang Berlaku**

Keseluruhan kajian menunjukkan bahawa tokoh-tokoh yang dikaji pernah melalui dan berdepan dengan persekitaran dan peristiwa yang dianggap sangat mempengaruhi kehidupan mereka. Mereka turut bersetuju bahawa persekitaran dan peristiwa tersebut telah banyak mengubah persepsi mereka sehingga terus mengorak langkah ke hadapan demi mencapai cita-cita. Pengajaran dan pembelajaran yang mereka peroleh dari keadaan persekitaran dan peristiwa lalu, telah mempengaruhi cara hidup dan pemikiran mereka. Keadaan ini menjadikan mereka berbeza daripada individu lain seusia dengan mereka pada waktu itu.

Justeru mereka menjadi lebih matang dan terbuka dalam menerima ilmu dan pengajaran. Keadaan ini diakui Davidoff (1976) yang menyatakan bahawa persekitaran memainkan peranan penting dalam perbezaan individu. Manakala Sullivan (1999) menyatakan persekitaran banyak mendorong kepada perkembangan dan kejayaan dalam kerjaya seseorang. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa beberapa peristiwa mahupun kejadian yang dialami dahulu memberi pengaruh besar dalam kejayaan mereka pada

hari ini. Kejayaan yang dikecapi oleh responden kajian berpunca daripada pengajaran yang mereka dapat sewaktu sedang meningkat dewasa. Pengalaman itu lah yang telah mencetus semangat mereka untuk terus berjaya dan mengenal potensi diri mereka sendiri (Krumboltz, 1996).

**Objektif Kajian : Pengalaman Pembelajaran dan Pemangkin Kerjaya**

Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan tokoh-tokoh mengaku banyak sumber membolehkan mereka mempelajari sesuatu yang baru dalam meningkatkan potensi diri. Pengalaman yang diterima membolehkan mereka meningkat dan mengekalkan kejayaan mereka. Beberapa tokoh mengakui pembelajaran daripada situasi yang pernah mereka alami dahulu itu memberi dorongan dan rasa keinsafan dalam diri mereka untuk terus mengecapi kejayaan. Pengalaman pembelajaran yang diterima secara tidak langsung juga memberi sumbangan dalam pembinaan kemahiran insaniah mereka. Pembelajaran berasaskan pengalaman telah berjaya membina modal personaliti cemerlang dalam diri mereka (Krumboltz & Levin, 2004). Di samping itu juga, pengalaman pembelajaran itu juga diakui menjadi pemangkin kepada kerjaya mereka pada hari ini, disokong oleh penganugerahan dan pengiktirafan yang diterima oleh mereka untuk terus maju ke hadapan.

**Objektif Kajian: Kemahiran dan Pendekatan dalam Bekerja**

Dapatan kajian mendapati tokoh-tokoh mengaku memiliki kemahiran dan pendekatan bersesuaian yang diterapkan dalam kerjaya mereka. Kemahiran dan pendekatan yang digunakan oleh mereka juga bertitik tolak daripada setiap pengalaman, pandangan dan

situasi semasa yang dihadapi mereka. Kemahiran dan pendekatan yang ada digunakan mereka untuk melakukan pembaharuan dalam kerjaya mereka bagi meningkatkan potensi diri untuk lebih dikenali (Krumboltz & Levin, 2004). Setiap pendekatan yang dipraktikkan dianggap mencerminkan satu pandangan tentang matlamat kejayaan dalam hidup mereka.

**Rumusan dan Cadangan**

Beberapa rumusan telah dibuat berasaskan hasil kajian;

a. Individu berjaya yang ditemubual mempunyai kebanyakan faktor yang dicadangkan oleh Krumboltz (1996).

b. Kesemua individu berjaya itu menyanjung tinggi faktor baka, pewarisan dan keadaan persekitaran yang mempengaruhi perkembangan kerjaya mereka.

c. Mereka juga tidak menolak bahawa faktor di luar kawalan seperti nasib baik, tuah, 'berada di tempat dan masa yang betul' mempengaruhi perjalanan dan kejayaan kerjaya mereka.

d. Mereka memperakui sumbangan faktor penyokong seperti kemahiran dan pendekatan dalam bekerja sebagai penyumbang kejayaan.

**Cadangan-cadangan Kepada Penyelidikan Masa Hadapan**

a. Perluaskan lagi kajian kepada tokoh-tokoh dalam bidang yang belum diterokai seperti tokoh politik dan perniagaan untuk melihat dan membanding faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan.

b. Oleh kerana kajian ini bersifat kualitatif, adalah disarankan supaya kajian kuantitatif dapat dilakukan untuk mengenalpasti antara faktor-faktor yang dipunyai mereka itu yang mana memberi lebih sumbangan daripada yang lain.

**Rujukan**


Brown, D. (1990) Summary, comparison and critique of the major theories in Brown, D., Brooks, L. & Associates (Eds). Career Choice & Development (pp338-363). San Francisco: Jossey Bass.

Calvin, G. (2009). The complete summary: Talent is overrated. Soundview Executive Resources: Singapore.

Crites, J.O. (1981). Career counseling: models, methos and materials. New York: McGraw-Hill Book Company.

Davidoff, (1976). Introduction to psychology. McGraw-Hill (New York).

Feller, R.W., Honaker, S.L., Zagzebski, L.M. (2001). Theoretical voices directing the career development journey: Holland, Harris-Bowlsbey, and Krumboltz. *The Career Development Quarterly.* March 2001. Vol 49

Fuqua, D. R. & Newman, J. L. (1994). An evaluation of the Career Beliefs Inventory. *Journal of Counseling and Development*. March/April.Volume 72.

Harell, M. C. & Bradley, M. A. (2009). Data collection methods: semi structured interviews and focus groups. Daripada laman web www.rand.org (dilayari pada 15 November 2012).

Hunt, M. (2003). The Smithsonian folklife and oral history interviewing guide.Washington D. C.

Kamarul Afizi Kosman, Abdul Halim Ismail & Azimin Samsul Mohd Tazilan ( 2008 ). Penglibatan tokoh dalam penyebaran idea seni bina Malaysia 1957 – 2004. *Jurnal Rekabentuk dan Binaan*, UKM.Vol, 1, 2008.

Krumboltz, J. D. & Worthington, R. L. (1999). The school to work: Transition from a learning theory perspective. *The Career Development Quarterly*. Jun 1999. Vol 47.

Krumboltz, J. D. (1996). A learning theory of career counseling. In M.L Savickas & Walsh, W.B. (eds). Handbook of Career Counseling: Theory and Practice. (pp 55-80). Palo Alto, CA: Davies – Black.

Krumboltz, J. D., & Levin, A. S. (2004). Luck is no accident: Making the most of happenstance in your life and career (2nd ed.). Atascadero, CA: Impact Publishers.

Krumboltz, J. D. (1994) Improving career development theory from a social learning perspective, in Savickas, M.L. & Lent, R.L.(Eds) Convergence in Career Development Theories, Palo Alto, CA: CPP Books, p9-31.

Krumboltz, J. D. (1994). Potential value of the Career Beliefs Inventory. *Journal of Counseling and Development.* March/April. Volume 72.

Krumboltz, J. D. (1979). A social learning theory of career decision making. In A. M. Mitchell, G. B. Jones, & J. D. Krumboltz (Eds.), Social learning and career decision making (pp. 19-49). Cranston, RI: The Carroll Press.

Lau, R. R. (1989). Individual and Contextual Influences on Group Identification. Social Psychology Quarterly, Vol 52, No. 3, 220-231.

Lairissa, R. Z. (1994). Projek inventarisasi dan dokumentasi sejarah nasional (Indonesia). Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Direktorat Jenderal Kebudayaan, Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional, Jakarta.

Merriam, S. B. (2009). Qualitative research: A guide to design and implementation. San Francisso: Jossey-Bass Publishers.

Mitchell, L. K. & Krumbolt, J. D. (1996). Krumboltz's learning theory of career choice and counseling in Brown, D., Brooks, L. & Associates (eds) (3rd edition). Career choice and development. San Francisco, California: Jossey Bass.

Mitchell, K. E., Levin, A.S. & Krumboltz, J. D. (1999) Planned happenstance: Constructing unexpected career opportunities. *Journal of Counseling and Development*, .77, p115-124.

Moore, J. D. (2006). Women in construction management: creating a theory of career choice and development. Unpublished dissertation. Colorado State University, Fort Collins, Colorado, USA.

Okihiro, G. Y. (1981). Oral history and the writing of ethnic history: A reconnaissance into method and theory. *Jurnal Oral History Review* vol 9, pp 27-46.

Patton, M. (2002). Qualitative research and qualitative methods (2nd Edition ed.). Thousand Oaks CA: Sage.

Perks, R. & Thompson, A. (eds). (1998). The oral history reader. Routledge: New York.

Rosumah, J. (1985). Perbezaan individu. Retrived Disember 31, 2012, from the http://www.scribd.com/doc/37532070/perbezaan-individu-rosumah

Sullivan, S. E. (1999). The changing nature of careers: A review and research agenda. *Journal of Management*, 25,457-485.

Thompson, P. (2000). The voice of the past (3rd ed). Oxford University Press.

Thomson, A. (2007). Four paradigm transformations in oral history. *Jurnal The Oral History Review*. Vol 34, issue 1, pp 49-70.

## LAMPIRAN-LAMPIRAN

### Lampiran 1

### Soalan-soalan Untuk Interview Tokoh:

**Bahagian A: Soalan-soalan Berkaitan Faktor Pewarisan Baka dan Kebolehan Istimewa**

1. Ceritakan latar belakang keluarga? Adakah anda fikir faktor genetik/pewarisan mempengaruhi kejayaan anda sekarang? Jika benar (faktor genetik mempengaruhi kejayaan anda) pada pandangan anda, bagaimanakah ianya berlaku?

2. Apa pandangan anda mengenai pengaruh bangsa/kaum/agama terhadap kejayaan seseorang? Apakah faktor-faktor ini mempunyai kaitan langsung terhadap diri dan kerjaya anda? Adakah anda percaya kejayaan dalam sesuatu bidang itu ada kaitan dengan aspek bangsa atau keturunan seseorang?

3. Faktor kecantikan fizikal (wajah dan tubuh badan) dan perwatakan dikatakan mempengaruhi kejayaan seseorang? Adakah anda bersetuju.. Jika ya, sejauh manakah ia mempengaruhi kejayaan anda?

